

Gamelan Sebagai Kokurikulum UMS



Ahli Kokurikulum Gamelan UMS sesi 1 2014/2015 sedang berlatih sebelum membuat persembahan kepada penduduk Kampung Tenom.

Oleh Nur Hidayah Binti Ibrahim

14hb Mei 2015

Gamelan asal daripada budaya luar Hindu-Buddha. Perkataan Gamelan berasal daripada perkataan Jawa iaitu 'gamel' yang bermaksud memukul atau menabuh dan diikuti akhiran '-an' yang menjadikannya sebagai kata benda.

Gamelan mempunyai makna iaitu 'kesatuan alat muzik yang dimainkan bersama'. Terdapat lima jenis Gamelan iaitu Gamelan Jawa, Gamelan Bali, Gamelan Sunda, Gamelan Banyuwangi dan Gamelan Kromong.

Menurut salah seorang pemain Gamelan dalam kokurikulum Gamelan UMS iaitu Nur Fazlina binti Abdul Karim dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan program Teknologi Seni Visual, Gamelan di Malaysia ini terdapat enam alat iaitu bonang, gambang, kenong, saron, gong serta gendang.

Fazlina kata, "Bonang merupakan alat yang terpenting dalam permainan Gamelan kerana ia berfungsi sebagai permulaan lagu khususnya peranan penghias lagu. Bonang merupakan alat utama atau kepala muzik atau biasa dipanggil sebagai ketua melodi,"

"Bonang sahaja yang boleh menggunakan kedua-dua belah tangan semasa memainkannya. Bonang merupakan alat muzik yang diperbuat daripada kesi, kuningan dan penunggu. Alat ini dimainkan dengan menggunakan kayu berbentuk batang yang salah satu hujungnya dililit kain. Bonang merupakan kepala utama alat melodis dalam Gamelan," tambah Nur Fazlina.

Alat kedua dalam permainan Gamelan ialah gambang. Gambang biasanya dimainkan oleh seorang pemain sahaja. Pemain tersebut memerlukan dua bilah pengetuk yang diperbuat daripada tanduk lembu.

Alat ketiga dalam permainan Gamelan ialah kenong. Kenong berperanan untuk mengeluarkan bunyi yang lebih lembut daripada gong.

Seterusnya ialah alat saron. Saron terbahagi kepada tiga iaitu Saron Demong, Saron Penerus dan Saron Pekin. Saron Demong berperanan sebagai alat membawa melodi pokok dan melodi cincang sebagai bunga lagu dalam persembahan. Saron Penerus pula mampu menghasilkan suara yang lebih nyaring daripada saron demong manakala Saron Pekin menghasilkan suara yang lantang dan nyaring.

Seterusnya alat permainan dalam Gamelan ialah gong. Gong merupakan tulang belakang dalam persembahan muzik Gamelan. Gong terdiri daripada pelbagai saiz untuk menghasilkan bunyi yang berbeza. Semakin nipis saiz gong maka semakin nyaring bunyinya.

Akhir sekali alat yang perlu ada dalam permainan gamelan ini ialah gendang. Gendang merupakan alat yang penting dalam memimpin rentak yang rendah atau tinggi.

Pantang larang dalam permainan gamelan ini ialah alat-alatnya tidak boleh dilangkah oleh manusia dan kucing hitam. Pantang larang lain juga termasuk tidak boleh mainkannya dengan terbalik dan sesuka hati. Jika pantang larang ini dilanggar maka akan mendapat tulah.

Kelab Gamelan UMS juga membuat lawatan ke Pesta Kopi di Tenom pada bulan Disember yang lalu. Mereka memainkan lima buah lagu dengan menggunakan Gamelan kepada penduduk kampung di sana. Di sana juga mereka membuka kelas Gamelan yang percuma untuk penduduk di Tenom.